



Jabatan
KEBAJIKAN
Masyarakat



SIARAN MEDIA

10,000 PENGUNJUNG MERIAHKAN HARI TERBUKA KEBAJIKAN 2016

BANGI, 20 November – Hari Terbuka Kebajikan 2016 di Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) di sini yang sudah berlangsung sejak empat (4) hari lagi menerima sambutan yang agak memberangsangkan dan kini mencapai kehadiran pengunjung mencecah 10,000 orang.

Menurut Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YB Datuk Hajah Azizah Datuk Seri Panglima Mohd Dun, sambutan yang julung-julung kalinya diadakan ini dengan gabungan keempat-empat sambutan tahunan iaitu Hari Warga Emas, Hari Kanak-Kanak, Hari OKU dan Hari Sukarelawan merupakan antara tarikan kepada pengunjung untuk melihat dan merasai sendiri bersama-sama suasana gemilang perayaan intergenerasi ini.

“Hari Terbuka yang berorientasikan komuniti ini turut menyediakan pelbagai program melibatkan kumpulan sasaran Jabatan dan masyarakat tempatan yang dimulakan dengan pengisian program Forum Perdana Hal Ehwal Islam pada malam pertama majlis berlangsung seterusnya dengan pengisian program yang padat selama 4 hari tersebut.

Justeru, saya menggalakkan agar sambutan seperti ini diteruskan pada masa-masa akan datang supaya perkhidmatan dan produk Jabatan dapat sampai terus kepada masyarakat,” katanya di sidang media selepas merasmikan Majlis Penutup Hari Terbuka Kebajikan Tahun 2016.

Turut hadir sama dalam majlis tersebut ialah YBrs. Dr. Rose Lena Lazemi, Ketua Setiausaha KPWKM dan YBhg Dato’ Hj Zulkipli Ramli, Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat.

Azizah berkata, program ini juga dianggap platform terbaik kepada Jabatan untuk mewujudkan interaksi sukarelawan iaitu pemberi perkhidmatan dengan kumpulan sasaran Jabatan iaitu penerima perkhidmatan disamping mengiktiraf sumbangan serta peranan yang telah diraikan oleh kumpulan sasaran, sukarelawan dan organisasi dalam memastikan kesejahteraan kanak-kanak, warga emas dan OKU.

Selain itu, bagi program ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) turut menyediakan *booth* perkhidmatan dari JKJ seluruh negara untuk memberi khidmat nasihat kepada mana-mana pengunjung yang ingin mendapat informasi lanjut mengenai Jabatan. Tidak lupa juga terdapat booth pameran interaktif dan juga jualan termasuk produk-produk hasil kerja kumpulan sasaran JKJ.

“Hari terbuka ini sememangnya memberi manfaat kepada masyarakat terutamanya klien kita apabila seramai 11 OKU dapat mengambil kad OKUnya terus di sini, 3 OKU pula berjaya membuat permohonan untuk bertukar daerah untuk menerima bantuan dan sebanyak 50 permohonan sedia ada untuk memiliki kad OKU berjaya diluluskan. Manakala bagi Kempen “Jom Daftar TASKA” pula, telah menyelesaikan sebanyak 80 urusan melibatkan urusan pendaftaran TASKA,” tambahnya.

###

Disediakan oleh : Jabatan Kebajikan Masyarakat
Aras 6, 9-18,
No. 55,
Persiaran Perdana, Presint 4
62100 Putrajaya.
No.Telefon : 019-233 3110 (Haneem) / 012-376 8760 (Laila)
Tarikh dikeluarkan : 20 November 2016